

TAWJIH REPITISI LAFAZ HAMDALAH PADA FAWATIḤ AL-SUWAR MENURUT PANDANGAN IBN ASYUR DALAM AL-TAHRĪR WA AL-TANWĪR.

IBN ‘ĀSHŪR’S INTERPRETATION OF THE REPETITION OF THE HAMDALAH IN FAWATIḤ AL-SUWAR (THE OPENINGS OF THE SURAHs) IN AL-TAHRĪR WA AL-TANWĪR.

Muhammad Hakim Abdul Malek¹

Abd. Muhaimin Ahmad²

Muhammad Arif Musa³

Mohd Nor Adzhar Ibrahim⁴

¹ Faculty of Quran and Sunnah Studies, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,
(E-mail: mhakim.malek@usim.edu.my)

² Faculty of Quran and Sunnah Studies, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,
(Email: muhaimin@usim.edu.my)

³ Faculty of Quran and Sunnah Studies, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,
(E-mail: arif@usim.edu.my)

⁴ Faculty of Quran and Sunnah Studies, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,
(E-mail: mnor.adzhar@usim.edu.my)

Article history

Received date : 7-10-2025

Revised date : 8-10-2025

Accepted date : 24-11-2025

Published date : 30-12-2025

To cite this document:

Abdul Malek, M. H., Ahmad, A. M., Musa, M. A. & Ibrahim, M. N. A. (2025). Tawjih Repitisi Lafaz Hamdalah Pada Fawatih Al-Suwar Menurut Pandangan Ibn Asyur Dalam Al-Tahrir Wa Al-Tanwir. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (79), 526 – 546.

Abstrak: Lafaz hamdalah merupakan antara lafaz yang berulang di dalam Al-Quran, sebahagiannya berulang pada pembukaan sesuatu surah iaitu Fawatih al-Suwar. Repitisi lafaz ini mengundang persoalan mengenai kaitan di antara repitisi lafaz hamdalah tersebut dengan intipati dan mesej sesebuah surah dalam Al-Quran. Perbahasan ini merupakan antara sebahagian dari peranan dan tugas seseorang ahli tafsir. Ibn Asyur yang merupakan seorang ahli tafsir yang terkenal yang menguasai segenap ilmu dan antara sumbangannya dalam bidang penulisan ialah tafsirnya al-Tahrir wa al-Tanwir. Namun, kajian berkenaan dengan tawjih repitisi lafaz hamdalah pada Fawatih al-Suwar masih belum dianalisis dengan sewajarnya. Tambahan pula, kajian secara khusus berkenaan dengan repitisi lafaz hamdalah secara analitis dilihat masih kurang diambil perhatian oleh para pengkaji. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji tawjih repetisi verbal lafaz hamdalah dalam Fawatih al-Suwar menurut pandangan Ibn Asyur. Kajian ini merupakan kajian yang berbentuk kualitatif dengan mengaplikasikan metode induktif analisis deskriptif. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat sebanyak 5 repitisi lafaz Hamdalah pada Fawatih al-Suwar iaitu 5 surah iaitu Al-Fatihah, Al-An'am, Al-Kahf, Saba' dan Fatir dan kesemuanya adalah surah Makkiyyah. Kajian mendapati bahawa Ibn Asyur telah menyatakan tawjih bagi setiap repitisi tersebut dengan hujah pendapat beliau dalam al-Tahrir wa al-Tanwir. Menerusi kajian ini dapat disimpulkan bahawa Ibnu Asyur sangat menitikberatkan aspek repitisi lafaz Hamdalah pada Fawatih al-Suwar.

Kata Kunci: *Hamdalah, Fawatih al-Suwar, Ibn Asyur, al-Tahrir wa al-Tanwir.*

Abstract: *The phrase ḥamdalah is among the expressions that recur in the Qur'an, and part of this repetition appears at the openings of certain surahs, known as Fawātiḥ al-Suwar. This repetition raises questions regarding the relationship between the repeated ḥamdalah expressions and the thematic content and message of each surah. The discussion of such phenomena constitutes part of the duties and responsibilities of a mufasssir. Ibn 'Ashūr, a prominent exegete known for his mastery of various Islamic sciences, contributed significantly to Qur'anic studies, particularly through his work al-Tahrīr wa al-Tanwīr. However, the study of his interpretive direction (tawjīh) concerning the repetition of ḥamdalah in Fawātiḥ al-Suwar has not yet been adequately analysed. Moreover, specialised analytical studies on the repetition of ḥamdalah remain limited and insufficiently explored by researchers. Therefore, this study aims to examine Ibn 'Ashūr's interpretive direction regarding the verbal repetition of the ḥamdalah in Fawātiḥ al-Suwar. This qualitative study employs the inductive and descriptive-analytical methods. The findings indicate that there are five instances of ḥamdalah repetition in the openings of surahs: namely al-Fātiḥah, al-An'ām, al-Kahf, Saba', and Fāṭir, all of which are Makkan surahs (Surah Makkiyyah). The study also finds that Ibn 'Ashūr provides specific interpretive justifications (tawjīh) for each occurrence, supported by his reasoning as presented in al-Tahrīr wa al-Tanwīr. This study concludes that Ibn 'Ashūr pays considerable attention to the phenomenon of ḥamdalah repetition in Fawātiḥ al-Suwar.*

Keywords: *Hamdalah, Fawatih al-Suwar, Imam Ibn Asyur, al-Tahrir wa al-Tanwir*

Pengenalan

Al-Quran merupakan wahyu dari Allah SWT yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW melalui perantaraan malaikat Jibril AS, dalam Bahasa Arab yang fasih dan penuh dengan rahsia-rahsia ilmu untuk diterokai dan dikaji sehingga akhir zaman. Hal ini termasuk dengan setiap pengulangan zahir ayat dan perkataan yang terdapat dalam al-Quran yang mempunyai tujuan dan matlamat tertentu di sebaliknya, kerana tidak mungkin satu perkataan bahkan satu huruf sekalipun dalam al-Quran diturunkan dengan sia-sia. Perbahasan berkenaan dengan repitisi lafaz quran dalam bentuk yang berbeza dalam al-Quran dibahaskan dalam perbahasan *mutasyabih lafzi*.

Para ulama Islam telah banyak mengkaji *mutasyabih lafzi* semenjak dari zaman berzaman. Terdapat beberapa pendekatan ulama Islam dalam pendekatan pada pengklasifikasian dalam penjelasan ayat-ayat *mutasyabihat lafzi* seperti pendekatan *tawjih* (penjelasan) *mutasyabih lafzi* tanpa mengumpulkan secara khusus, pendekatan *tawjih* dan pengumpulan dalam kitab khusus, pendekatan deskriptif-analitis, pendekatan perbandingan *tawjih*, pendekatan khusus pada tajuk atau isu tertentu, pendekatan hubungannya dengan ilmu *ma'ani* (dalam *balaghah*), pendekatan secara umum dan pendekatan menggunakan metodologi berbentuk penelitian kritis dan penambahan hujah (Al-Rifā'i, 2020). Bahkan, terdapat kajian yang menyatakan bahawa *mutasyabih lafzi* telah dibahaskan pada sendiri oleh Baginda Nabi Muhammad SAW iaitu pada zaman sebelum pembukuan (Al-Barakah, 2016) dan ia telah dibukukan oleh ilmuwan Islam seawal kurun kedua hijrah seperti Muqatil bin Sulaiman, Hamzah al-Zayyat, Nafi' al-Madani dan ramai lagi (Ibn al-Nadīm, 1997). Sekiranya benar dakwaan beliau tersebut & sabit maka penulisan tersebut berlaku lebih awal dari *Musytabihat al-Quran* karangan Imam al-Kisa'i (w 189H) (Hāzim Sa'īd Haydar, 1999).

Sebahagian daripada orientalis mengkaji Al-Quran dengan mendalam dan mengkritik keabsahan al-Quran yang berasal dari Allah SWT. Richard Bell merupakan seorang dari mereka yang mengkaji Al-Quran sehingga telah berjaya menterjemahkan al-Quran yang dinamakan dengan “The Qur’an: Translated, with a Critical Re-arrangement of the Surahs”, dia telah menyatakan bahawa al-Quran merupakan ciptaan dan rekaan manusia iaitu karangan Nabi Muhammad SAW kecuali beberapa ayat yang merupakan wahyu tulen (Elnemr, 2020). Manakala, William Muir dalam karyanya *The Life of Muhammad*, mengemukakan pandangan mengenai pengulangan ayat-ayat dalam al-Qur’an, yang menurutnya menjadi bukti kelemahan dalam struktur teks tersebut. Muir berpendapat bahawa persamaan antara ayat-ayat dalam beberapa surah mungkin memberi gambaran pengaruh luar, atau bahkan mendakwanya suatu kesilapan yang boleh menunjukkan bahawa al-Quran merupakan karya manusia dan bukan wahyu yang sempurna. Muir menumpukan pada fenomena repetisi ayat sebagai petunjuk kepada wujudnya kesalahan dan kesilapan dalam pengumpulan wahyu (Murni et al., 2025).

Para ulama Islam dari dahulu sehingga zaman sekarang mengkaji *mutasyabih lafzi* ini, termasuk dalam kalangan ahli tafsir yang terdahulu mahupun kontemporari. Antara ahli tafsir yang mengambil cakna merungkaikan rahsia *mutasyabih lafzi* ini ialah Ibn Asyur dalam kitab tafsirnya iaitu *al-Tahrir wa al-Tanwir*. Beliau tidak berpada dengan hanya dengan kaedah taqlid terhadap mana-mana ilmuwan bahkan mengikuti pendapat yang beliau merasakan ianya betul berdasarkan dalil yang kuat (Khālid Aḥmad Muḥammad, 2019). Tafsir *al-Tahrir wa al-Tanwir* yang dikarang oleh beliau dianggap sebagai sebuah tafsir karya yang bermutu tinggi dari sudut penyusunan dan pemilihan perbahasan dan merupakan satu buah fikiran daripada kerangka *madrasah* pemikiran beliau (Abd al-Bāqī, 2017).

Antara perkataan yang berulang dalam al-Quran yang termasuk dalam *mutasyabih lafzi* ialah lafaz *hamdalah*. Menurut Imam Ibn Asyur lafaz ini berulang sebanyak lima kali di dalam al-Quran dan semua surah yang dimulai dengan *hamdalah* adalah surah *Makkiyyah*, dan telah disusun dalam tertib al-Quran pada bahagian awal, pertengahan, dan suku terakhirnya (Ibn Asyur, 1984). Surah tersebut adalah Al-Fātiḥah, al-An‘ām, al-Kahf, Saba’, Fāṭir (Ibn al-Zubayr al-Gharnāṭī, 2006).

Lafaz *hamdalah* merupakan lafaz yang pertama mengikut susunan Al-Quran, yang mempunyai rahsia dan hikmah di sebaliknya. Dalam lafaz *hamdalah* tersebut terkandung nilai-nilai pendidikan yang mempunyai nilai falsafah untuk diketahui. Oleh itu, melafazkan kalimah tersebut bukanlah perkara remeh, tetapi mempunyai pengaruh yang signifikan dalam kehidupan baik secara vertikal mahupun horizontal (Maskhuroh, 2016). Ia merupakan kata terbitan daripada hasil *naḥṭ* iaitu penggabungan huruf-huruf beberapa kata (Al-Zabidi, 1965-2001) dari perkataan ‘الْحَمْدُ لِلَّهِ’ (al-Firuzabadi, 2005) yang bermaksud ‘segala puji bagi Allah’.

Lafaz *hamdalah* pada keseluruhan ayat al-Quran sama ada terletak pada *fawatih* maupun *khawatim* sangat memiliki hubungan yang sangat kuat antara iman dan syukur kepada-Nya (Ardi, Mutaal, & Septiana, 2021).

Fawatih al-suwar juga berhubung erat dengan tema-tema utama dalam surah yang mengikutinya dan memiliki dampak psikologis serta spiritual bagi pembaca (Mustakim, Achmad Abubakar, & Hamka Ilyas, 2025).

Tafsir *al-Tahrir wa al-Tanwir* merupakan tafsir yang menekankan aspek *lughawi* (Bahasa Arab), dan hal ini terbukti dengan pernyataannya yang belum dikemukakan oleh ahli tafsir

sebelumnya, membahaskan *I'jaz al-Quran*, mengungkapkan perbahasan linguistik yang mendalam dan menjelaskan keselarasan ayat dengan ayat-ayat yang lain (Asfar, 2022). Ibn Asyur dalam tafsirnya tidak sepenuhnya bertaqlid mazhab agama tertentu atau hukum tertentu. Dan kerana beliau menjauhkan diri pemikiran dogmatik serta juga bergantung pada idea-idea reformis (Musallai Pour Yazdi & Shaye, 2023).

Dalam kajian ini, akan menyingkap beberapa hujah di sisi Imam Ibn Asyur dalam kitab tafsirnya *al-Tahrir wa al-Tanwir* dalam menyatakan keserasian awal 5 surah tersebut dengan isi kandungan yang terdapat di dalam surah tersebut.

Pernyataan Masalah

Lafaz *hamdalah* merupakan antara lafaz penting dan menjadi teras dalam al-Qur'an yang mengandungi kepelbagaian dimensi meliputi aspek akidah, bahasa dan balaghah yang mendalam. Lafaz ini muncul secara berulang, khususnya dalam *Fawātih al-Suwar*, seperti dalam Surah al-Fātiḥah, Al-An'am, al-Kahf, Saba' dan Fāṭir, dan kesemuanya berada dalam surah *Makkiyyah* (Ibn Asyur, 1984). Hal ini menimbulkan persoalan dalam kalangan para pembaca al-Quran berkenaan dengan kaitan antara pembukaan surah dengan isi kandungan dalam surah.

Namun, pengulangan lafaz *hamdalah* ini bukanlah bersifat kebetulan atau pengulangan yang tidak membawa mesej dan faedah kepada pembaca al-Quran, sebaliknya mempunyai tujuan semantik dan retorik yang berkait dengan konteks surah dan mesej tauhid yang merupakan satu daripada intipati surah. Sebagian sarjana berpendapat bahawa adanya fenomena pengulangan dalam al-Quran merupakan satu sisi kekurangan dan keaiban yang boleh merosakkan dan mencacatkan keindahan dan keagungan al-Quran itu sendiri. Namun, sebagian yang lain menyatakan bahawa fenomena pengulangan merupakan salah satu gaya bahasa yang lazim digunakan dalam sastera Arab (Anshori, 2017). Ia menimbulkan satu pertanyaan yang besar dalam diri pembaca al-Quran untuk mengkaji dengan lebih mendalam mengenai hal ini.

Di samping itu, pengetahuan terhadap lafaz yang berulang adalah satu perkara yang membantu para huffaz untuk membaca dengan hafazan mereka. Hidayat & Fauziyah (2022) menyatakan dengan memahami kandungan ayat-ayat *mutasyābihāt lafziyyah* dalam juzuk 30, pelajar dapat menghafaz dengan cara yang lebih baik. Selain itu, kesalahan serta keraguan semakin dapat dikurangkan ketika proses membaca al-Quran atau semasa peperiksaan. Maka, dengan kajian terhadap ayat mutasyabihat dalam lafaz *hamdalah* ini juga akan membantu dalam menguatkan hafazan al-Quran.

Terdapat beberapa kajian yang terdahulu yang mengkaji berkenaan dengan *Fawatih al-Suwar* dan *hamdalah*, seperti yang terdapat dalam literatur. Kajian oleh Shahin (2022) pula mendapati bahawa kitab tafsir karangan Ibn Asyur iaitu *al-Tahrir* merupakan yang membahaskan *mutasyabihat lafziyyah*. Walau bagaimanapun, setelah diteliti kajian-kajian yang terdahulu, masih belum terdapat kajian khusus untuk mengkaji dan menganalisa *hamdalah* dalam *Fawatih al-Suwar* dari kaca mata Ibn Asyur dalam tafsir *al-Tahrir wa al-Tanwir* khususnya melalui pendekatan induktif dan analisis deskriptif. Hubungan antara pengulangan lafaz *hamdalah*, konteks surah, dan tujuan balaghah al-Qur'an masih belum dihuraikan secara sistematik dan menyeluruh dalam tafsir tersebut.

Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi mengkaji kelompondan tersebut dengan meneliti secara sistematik lafaz *hamdalah* dalam *Fawātih al-Suwar* serta menganalisis *tawjih* pengulangannya

menurut Ibn Asyur, supaya dapat menjelaskan hikmah, fungsi dan implikasi balaghah lafaz tersebut dalam kitab Allah, Al-Quran.

Tinjauan Literatur

Tinjauan literatur telah dijalankan untuk mendapatkan maklumat berkenaan fokus-fokus kajian lepas untuk mencari kelompongan kajian. Terdapat beberapa kajian yang ditinjau untuk mengenal pasti kelompongan kajian. Kajian-kajian yang lepas memfokuskan kajian lafaz *hamdalah* dalam al-Quran dan menganalisa secara umum berkenaan dengan *tawjih* repitisi *hamdalah* pada *Fawatih al-Suwar* tanpa menganalisa secara khusus tafsiran para ahli tafsir tertentu (Ardi, Mutaal, & Septiana, 2021).

Fawatih al-Suwar mempunyai hubungan yang signifikan dengan isi kandungan surah. Terdapat juga kajian yang memfokuskan berkenaan *Fawatih al-Suwar* dalam mengkaji hubungan antara pembukaan sesuatu surah dengan isi kandungannya secara umum sahaja, dengan mengkaji penyampaian makna simbolik, peningkatan hubungan emosional dengan para pendengar serta pembaca Al-Quran sahaja (Irdan, A., Sohrab, S., & Miswar, A., 2025). Namun, skop kajian ini masih luas dan tidak mengecilkan skop kajian tentang pembukaan surah-surah tersebut.

Terdapat juga kajian yang mengkategorikan *Fawatih al-Suwar* dalam kategori ayat-ayat mutasyabihat dari sudut makna (*mutasyabihat ma'nawiyah*), kerana terdapat sebahagian dari ulama yang menafsirkan *Fawatih al-Suwar* dengan huruf *muqatta'ah* kerana ia mempunyai sifat mujmal, *mu'awwal*, dan musykil (Nur Fajriyatush Shobahah et. al., 2024). Kajian ini cenderung untuk menyatakan bahawa *Fawatih al-Suwar* sebagai mutasyabihat, kerana melihat kepada pengkategorian tersebut.

Terdapat juga kajian yang mengkhususkan kajian dalam ayat 'الحمد لله رب العالمين' dari segi tatabahasa, linguistik, morfologi, dan retorik, malah perbahasan isu-isu akliogi (isu berkaitan dengan akal), retorik, linguistik, dan qiraat turut dibahaskan, dan memfokuskan kajian ini terhadap Imam al-Alusi dalam kitab tafsirnya iaitu *Ruh al-Ma'ani* (Ahmad Basyir Saif, 2023). Terdapat juga kajian yang mengkaji tafsir al-Azhar yang dikarang oleh Buya Hamka dan mengkhususkannya kajian analisis terhadap makna *Fawatih al-Suwar* serta mengkaji metode interaksi Buya Hamka dengannya (Mohamad Rafi, 2025). Terdapat kajian yang mengkaji antara hujah dalam *Tafsir al-Bahru al-Muhith fi al-Tafsir* karangan Abu Hayyan al-Andalusy dan kitab *Nazmu ad-Durar Fi Tanasubi al-Ayati Wa al-Suwar* oleh al-Biq'a'i. Kajian mendapati bahawa Abu Hayyan melebihi dalam menjelaskan munasabah *fawatih al-suwar* dengan *khawatim al-suwar* secara khusus menyebutkan munasabah ayat ini dengan ayat pada surah sebelumnya (Rahman, Rusydi, & Hadi, 2024). *Fawatih al-Suwar* dianalisa tanpa mengkhususkan mengenai lafaz tertentu seperti *hamdalah* bahkan mencakupi 10 pembahagiannya. Selain itu, kajian juga telah dijalankan untuk mengkaji peranan *Fawatih al-Suwar* dalam beberapa kitab tafsir klasik dan kontemporari untuk mengkaji serta menyimpulkan peranannya (Mustakim, M., Achmad Abubakar, & Hamka Ilyas, 2025). Namun, kajian ini juga tidak mengkaji secara mendalam berkenaan dengan tafsir dan lafaz tertentu yang terdapat dalam pembukaan sesuatu surah.

Terdapat juga kajian yang mengalisis hujah Ibn Asyur dalam *i'jaz khabariyah* menunjukkan bahawa dari aspek terjadinya peristiwa yang diberitakan mengandung mukjizat bagi para ilmuan bahawa Al-Quran itu adalah benar, sama ada perkara itu sudah berlalu atau sesuatu yang akan

datang (Junaidi, 2024). Namun, belum ada kajian yang mengkaji berkenaan *tawjih* repitisi lafaz *hamdalah* pada *Fawatih al-Suwar*.

Hasil pemerhatian terhadap sorotan tinjauan literatur tidak mendapati bahawa terdapat kajian yang tuntas berkenaan dengan hujah Ibn Asyur terhadap *hamdalah* pada *Fawatih al-suwar*. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk menganalisa berkenaan dengan hujah beliau dalam menghuraikan rahsia *hamdalah* tersebut.

Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan bagi mencapai beberapa objektif berikut:

1. Mengemukakan definisi *hamdalah*, *Fawatih al-Suwar* dan *Tawjih Mutasyabih Lafzi*.
2. Menyatakan biodata ringkas Ibn Asyur dan tafsirnya *al-Tahrir wa al-Tanwir*.
3. Menganalisa pendapat Ibn Asyur dalam menyatakan *Tawjih* bagi repitisi *hamdalah* pada *Fawatih al-Suwar* menerusi tafsirnya *al-Tahrir wa al-Tanwir*.

Metodologi Kajian

Dalam kajian ini, penulis telah menggunakan pendekatan kajian kualitatif dengan mengaplikasikan beberapa metodologi kajian. Antaranya adalah seperti berikut:

- i. **Metode pengumpulan data** penelusuran dan pengenpastian semua lafaz *hamdalah* yang terdapat dalam *Fawātiḥ al-Suwar* menerusi pemerhatian dan kajian terhadap kenyataan Ibn Asyur dan selainnya.
- ii. **Metode induktif** dengan mengumpulkan semua *hamdalah* yang terdapat dalam *Fawatih al-Suwar*. Pengkaji terlebih dahulu mengenal pasti dan mengumpulkan semua lafaz *hamdalah* yang terdapat dalam *Fawātiḥ al-Suwar*. Seterusnya, setiap data yang dikumpulkan akan dianalisis berdasarkan konteks ayat dan huraian Ibn ‘Āshūr dalam *al-Tahrīr wa al-Tanwīr*.
- iii. **Metode analisis deskriptif** untuk menganalisa hujah Ibn Asyur dalam *tawjih* repitisi verbal *hamdalah* tersebut. Data penelitian diperoleh dari sumber utama iaitu *al-Tahrir wa al-Tanwir* (sebagai sumber primer) dan beberapa kitab tafsir klasik dan kontemporari (sumber sekunder) yang muktabar dan masyhur juga dirujuk untuk menganalisa data, untuk memastikan analisis dijalankan dengan baik. Selain itu, beberapa sumber lain yang relevan yang berkaitan dengan kajian seperti jurnal akademik, buku, kitab *tarajim*, kitab turath, kamus Bahasa Arab dan sebagainya.
- iv. **Metode Sintesis Tafsiran** dengan menggabungkan hasil analisis data induktif dan deskriptif untuk membentuk kesimpulan.

Biodata Ringkas Ibn Asyur & *al-Tahrir wa al-Tanwir*

Muhammad al-Tahir bin Muhammad bin Muhammad al-Tahir bin ‘Ashur, yang lebih dikenali sebagai al-Tahir ibn ‘Ashur, dilahirkan di Tunisia pada tahun 1296H/1879M. Beliau berasal daripada sebuah keluarga ulama terkemuka yang mempunyai tradisi keilmuan yang mendalam, dengan salasilah keturunan yang berakar umbi dari wilayah Andalusia (Ibn Asyur, 1984). Beliau telah menghafal al-Quran, mempelajari bahasa Perancis, kemudian meneruskan pengajiannya di Jāmi’ al-Zaytūnah pada tahun 1310H/1892M (Muhammad Mahfuz, 1994). Antara gelaran dan jawatan besar yang disandang oleh beliau adalah anggota *Tanqīḥ Barāmij al-Ta’līm* (Penilaian dan Semakan Kurikulum Pendidikan), qadi Maliki (utama negara), *Shaykh al-Islam al-Maliki* dan *Shaykh Jāmi’ al-Zaytūnah* (Muhammad Mahfuz, 1994).

Antara karya terkenalnya ialah *Maqāṣid al-Sharī‘ah al-Islāmiyyah*, *Uṣūl al-Niẓām al-Ijtīmā’ī fī al-Islām*, *al-Tahrīr wa-al-Tanwīr* dalam tafsir al-Qur’an yang telah diterbitkan dengan

sepuluh jilid. Selain itu, beliau juga menghasilkan *al-Waqf wa-Āthāruhu fī al-Islām*, *Uṣūl al-Inshā' wa-al-Khiṭābah*, dan *Mūjaz al-Balāghah*. Antara karya yang beliau teliti dan terbitkan ialah *Dīwān Bashshār ibn Burd* dalam empat jilid. Beliau turut banyak menulis dalam pelbagai majalah ilmiah (Al-Zirikli, 2002).

Tafsirnya *al-Taḥrīr wa-al-Tanwīr* menyajikan sejumlah pandangan ijtihad dan tajdid (pembaharuan) mengikut pandangan beliau. Beliau menumpukan hampir 50 tahun dalam menyelesaikan dan menyiapkan tafsir ini. Pada pendahuluan tafsirnya, beliau menyatakan bahawa metodologi yang diaplikasikannya adalah berdiri pada posisi sebagai hakim (penilai) di antara pelbagai aliran ahli tafsir (Ibn Asyur, 1984).

Definisi *hamdalah*, *Fawatih al-Suwar* dan *Tawjih*.

Pada subtopik ini, pengkaji ingin mengemukakan definisi *hamdalah* dan *Fawatih al-Suwar* dalam kamus dan kitab Bahasa Arab yang muktabar, serta mengemukakan senarai repitisi *hamdalah* dalam *Fawatih al-Suwar*.

a) Definisi *Hamdalah*

Hamdalah merupakan istilah yang digunakan dalam kitab-kitab Arab. Berikut merupakan definisi *hamdalah* mengikut pandangan beberapa ilmuwan:

Menurut al-Firuzabadi (2005) dalam *Al-Qāmūs al-Muḥīṭ*, perkataan *hamdalah* ialah:

الْحَمْدُ لِلَّهِ: حِكَايَةُ قَوْلِكَ: الْحَمْدُ لِلَّهِ

Maksudnya: "*Alḥamdalah* ialah ungkapan atau pernyataan ucapanmu: 'الْحَمْدُ لِلَّهِ' *alḥamdu lillāh* (segala puji bagi Allah)."

Definisi *hamdalah* menurut Ahmad Umar Mukhtar (2008) dalam kamus *Mu'jam al-Lughah al-'Arabiyyah al-Mu'āṣirah* pula seperti berikut:

حمداً للشخص: قال: الحمد لله

Maksudnya: "Seseorang itu *ḥamdala*: dia mengucapkan 'alḥamdu lillāh' 'الْحَمْدُ لِلَّهِ' (segala puji bagi Allah)." ('Umar, 2008)

Menurut al-Zabidi (1965-2001) dalam *Tāj al-'Arūs min Jawāhir al-Qāmūs*, perkataan *hamdalah* merupakan yang terbit dari *naḥṭ*, beliau telah menyatakan kenyataannya seperti berikut:

وهي من الألفاظ المنحوتة، كالحسبلة، ونحوها

Maksudnya: "Ia termasuk dalam perkataan yang terbit daripada hasil *naḥṭ* (penggabungan huruf-huruf beberapa kata), seperti *hasbalah* (حَسْبَلَة) dan seumpamanya."

Kesimpulannya, *hamdalah* merupakan *naḥṭ* iaitu kata singkatan kepada lafaz 'الْحَمْدُ لِلَّهِ' yang bermaksud 'segala puji bagi Allah'.

b) Definisi *Fawatih al-Suwar*

Fawatih al-Suwar merupakan cabang ilmu dalam pengajian Al-Quran yang fokus pada pembahasan mengenai pembukaan surah-surah. *Fawatih Al-Suwar* (فَوَاتِحُ السُّورِ) dari segi bahasa terdiri dari dua perkataan, iaitu فَوَاتِحُ dan السُّورِ. Perkataan فَوَاتِحُ adalah bentuk *jamak* (plural) dari *mufrad* (kata Tunggal) فَاتِحُ yang artinya adalah pembuka. Sedangkan السُّورِ adalah bentuk *jamak* dari *mufrad* سُورَةٌ yang berarti surah atau kumpulan surah (Labib, 2023).

Terdapat beberapa jenis *Fawatih al-Suwar* yang dikaji oleh para ulama, antaranya ialah pengklasifikasian yang diberikan oleh al-Zarkashi (1957) dalam *al-Burhan* dan al-Suyuti (1974) dalam *al-Itqan* yang mengklasifikasikan *Fawatih al-Suwar* kepada 10 pembahagian seperti berikut:

- 1) Pembukaan dengan pujian (الاستِغْفَارُ بِالتَّنَاءِ).
- 2) Pembukaan dengan huruf-huruf *hijā'iyah* (الاستِغْفَارُ بِحُرُوفِ التَّهْجِي).
- 3) Pembukaan dengan gaya seruan (الاستِغْفَارُ بِالنِّدَاءِ).
- 4) Pembukaan dengan ayat nyata (*jumlah khabariyyah*) (الاستِغْفَارُ بِالْجُمْلَةِ الْخَبَرِيَّةِ).
- 5) Pembukaan dengan sumpahan (الاستِغْفَارُ بِالْقَسَمِ).
- 6) Pembukaan dengan kata syarat (الاستِغْفَارُ بِالشَّرْطِ).
- 7) Pembukaan dengan kata perintah (الاستِغْفَارُ بِالْأَمْرِ).
- 8) Pembukaan dengan kata pertanyaan (الاستِغْفَارُ بِالسُّئَالِ).
- 9) Pembukaan dengan doa (الاستِغْفَارُ بِالدُّعَاءِ).
- 10) Pembukaan dengan *ta'wil* (الاستِغْفَارُ بِالتَّوِيلِ) iaitu penyebab, rasional atau justifikasi.

Menurut al-Zarkashi (1957), *Fawatih al-Suwar* dengan pujian التَّنَاءِ kepada Allah terbahagi kepada dua bahagian iaitu: pertama: *ithbat* (penetapan) sifat-sifat terpuji, dan kedua: penafian serta pensucian daripada sifat-sifat kekurangan. *ithbat* (penetapan) sifat-sifat terpuji itu seperti firman Allah: (تَبَارَكَ الَّذِي) yang terdapat dalam lima surah, dan seperti firman-Nya: (الْحَمْدُ لِلَّهِ) dalam dua surah, iaitu al-Furqān (نَزَلَ الْفُرْقَانِ) dan al-Mulk (تَبَارَكَ الَّذِي بِيَدِهِ الْمُلْكُ).

c) Definisi *Tawjih* dalam Kajian Ini

Definisi *tawjih* dari sudut istilah telah disebutkan oleh para ulama terdahulu, antaranya adalah al-Jurjani (1983) dalam kitabnya *al-Ta'rifat*:

التَّوْجِيهِ: إِيرَادُ الْكَلَامِ عَلَى وَجْهِ يَنْدَفِعُ بِهِ كَلَامُ الْخَصْمِ

Maksudnya: “*Tawjih* adalah mendatangkan perkataan-perkataan dengan satu cara yang boleh menolak hujah lawannya”.

Definisi ini disokong oleh al-Jabali (2012) dalam tesis PhD beliau dengan hujah antaranya ia dapat dimaksudkan dengan penolakan terhadap kekeliruan kaum ateis atau sikap melampau golongan *mutakallimin* (ahli kalam yang menyimpang). Manakala, definisi *mutasyabih lafzi* menurut Samil dalam kitab *Min Balaghah al-Mutasyabih al-Lafzi* iai seperti berikut:

ما توارد من الآيات بنوع من التبديل والتغيير في ألفاظها.

Maksudnya: “Ayat-ayat Al-Quran yang datang dengan adanya sedikit perbezaan atau perubahan pada lafaz-lafaznya. (al-Samil, 2001)”

Repitisi *Hamdalah* pada *Fawatih al-Suwar* ini berlaku pada awalnya dan mempunyai perbezaan lafaz pada penghujung ayat-ayat al-Quran pada 5 surah tersebut. Hasilnya, menurut definisi yang dibentangkan di atas, repitisi *Hamdalah* ini boleh juga dikategorikan sebagai *mutasyabih lafzi*.

Menurut Dr. al-Jabali (2012), definisi *tawjih* dalam *mutasyabih lafzi* ialah:

البحث في أسرار التشابه اللفظي في القرآن، والوقوف على وجوه معانيه، في منازل المختلفة

Maksudnya: “Kajian mengenai rahsia-rahsia *al-mutasyābih al-lafzī* dalam Al-Quran, serta meneliti pelbagai sisi maknanya pada kedudukannya (dalam Al-Quran) yang berbeza-beza”.

Rentetan dari definisi yang diberikan, boleh disimpulkan bahawa *tawjih* repitisi lafaz *hamdalah* dalam kajian ini adalah mengkaji rahsia-rahsia repitisi *hamdalah* pada *Fawatih al-Suwar* menurut Imam Ibn Asyur dalam kitab tafsirnya *al-Tahrir wa-al-Tanwir*.

Senarai *Fawatih al-Suwar* dengan Yang Dimulai Dengan Lafaz *Hamdalah*.

Pada pendahuluan telah disebutkan bahawa repitisi *hamdalah* berlaku sebanyak 5 kali pada *Fawatih al-Suwar*. Berikut merupakan senarai *hamdalah* pada *Fawatih al-Suwar* dengan menisbahkan kepada surah dan juzuk al-Quran.

Jadual 1: Senarai *Fawatih al-Suwar* dengan Yang Dimulai Dengan Lafaz *Hamdalah*

No.	Ayat al-Quran	Surah	Juzuk
1	□ الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ 2 □ [الفاتحة: 2]	Al-Fatihah	1
2	□ الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي خَلَقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ وَجَعَلَ الظُّلُمَاتِ وَالنُّورَ ثُمَّ الَّذِينَ كَفَرُوا بِرَبِّهِمْ يَعْدِلُونَ 1 □ [الأنعام: 1]	Al-An'am	7
3	□ الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَنْزَلَ عَلَى عَبْدِهِ الْكِتَابَ وَلَمْ يَجْعَلْ لَهُ عِوَجًا 1 □ [الكهف: 1]	Al-Kahf	15
4	□ الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي لَهُ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ وَلَهُ الْحَمْدُ فِي الْآخِرَةِ وَهُوَ الْحَكِيمُ الْخَبِيرُ 1 □ [سبأ: 1]	Saba'	22
5	□ الْحَمْدُ لِلَّهِ فَاطِرِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ جَاعِلِ الْمَلَكِةِ رُسُلًا أُولَئِكَ أَجِبَحَ مَتْنِي وَتَلَّتْ وَرُبَّ يَزِيدُ فِي الْخَلْقِ مَا يَشَاءُ إِنَّ اللَّهَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ 1 □ [فاطر: 1]	Fatir	22

Tawjih Imam Ibn Asyur pada Repitisi *Hamdalah* pada *Fawatih al-Suwar*

Menurut analisis Ibn Asyur (1984) dalam tafsirnya iaitu *al-Tahrir wa-al-Tanwir*, semua surah yang dimulai dengan *Hamdalah* merupakan surah *Makkiyyah*, dan ia diletakkan dalam tertib susunan Al-Quran pada awalnya, pertengahannya dan suku terakhirnya. Empat bahagian suku Al-Quran dimulai dengan *hamdalah* dan ia merupakan *taufiq* atau *tauqif* (ketetapan) dari Allah SWT.

Surah al-Fatihah

Imam Ibn Asyur (1984) telah berpendapat bahawa surah al-Fatihah diletakkan pada permulaan surah-surah yang lain kerana hujahnya seperti berikut:

وَهَذِهِ السُّورَةُ وُضِعَتْ فِي أَوَّلِ السُّورِ لِأَنَّهَا تَنْزِلُ مِنْهَا مَنَزَلٌ دِيْبَاجَةٌ أَوْ الْكِتَابِ، مَعَ مَا تَضَمَّنَتْهُ مِنْ أَصُولٍ مَقَاصِدِ الْقُرْآنِ كَمَا عَلِمْتَ أَنَا وَذَلِكَ شَأْنُ الدِّيْبَاجَةِ مِنْ بَرَاةِ الْإِسْتِهْلَالِ.

Maksudnya: “Surah al-Fatihah diletakkan pada permulaan surah-surah yang lain kerana kedudukannya seperti *dibājah* (pembukaan) bagi suatu perbicaraan atau kitab, di samping kandungannya yang merangkum *Maqasid* Al-Quran (asas-asas tujuan al-Qur’an). Beliau turut berpendapat bahawa itulah hakikat mukadimah iaitu *Bara’ah Istihlal* (keindahan dalam pembukaan).”

Menurut Imam Al-Suyuti (1984), *Bara’ah Istihlal* ialah permulaan suatu ucapan mengandungi sesuatu yang sesuai dengan keadaan perkara yang ingin dibicarakan, serta memberi isyarat kepada tujuan yang menjadi maksud sesebuah ucapan tersebut. Contoh yang paling agung dalam hal ini ialah Surah al-Fātihah, iaitu pembukaan al-Qur’an, kerana ia mengandungi semua tujuan (utama) al-Quran.

Maksud *al-Hamd* juga telah dibahas oleh Ibn Asyur (1984) dalam al-Tahrir karangan beliau dengan pernyataannya:

هُوَ الثَّنَاءُ عَلَى الْجَمِيلِ أَيْ الْوَصْفُ الْجَمِيلُ الْإِخْتِيَارِيُّ فِعْلًا كَانَ كَالْكَرَمِ وَإِعَاثَةً الْمَلْهُوفِ أَمْ غَيْرِهِ كَالشَّجَاعَةِ

Maksudnya: “Ia adalah pujian terhadap perkara yang indah, iaitu sifat indah yang perbuatan *ikhtiyari* (pilihan) sama ada perbuatan seperti kedermawanan, menolong seseorang yang terhimpit, atau yang selain perbuatan seperti keberanian.”

Hal ini bermaksud beliau cenderung mengatakan bahawa pujian *al-Hamd* ialah pujian yang berbentuk pilihan dan bukan sesuatu yang berbentuk keterpaksaan. Pujian pula berkait dengan sesuatu yang berbentuk perbuatan seseorang atau selain perbuatan. Ibn Asyur (1984) turut menyatakan terdapat perbezaan pendapat antara para ulama mengenai lafaz *al-madh*, majoriti ulama berpendapat bahawa ia lebih umum daripada *al-Hamd* kerana meliputi sifat yang berbentuk *ikhtiyari* dan selainnya. Al-Raghib Al-Asbahani (1412H) merupakan ulama terdahulu yang berpendapat dengan pandangan ini, beliau berpendapat bahawa ia lebih khusus daripada *madh* (pujian biasa) dan lebih umum daripada *syukr* (kesyukuran). Hujah beliau adalah kerana *madh* mencakupi perkara yang *ikhtiyari* dan selainnya, manakala *hamd* hanya untuk perkara *ikhtiyari* dan *syukr* untuk sesuatu pujian sebagai imbal balas nikmat.

Seterusnya, Ibn Asyur (1984) telah menyatakan bahawa al-Fatihah telah dimulai dengan *hamdalah* kerana hikmah yang besar iaitu supaya orang yang ingin bermunajat kepada Allah boleh bermunajat dengannya:

قَدَّمَ الْحَمْدَ عَلَيْهَا لِيَضَعَهُ الْمُتَاجِرُونَ كَذَلِكَ فِي مُتَاجَاتِهِمْ جَزِيًّا عَلَى طَرِيقَةِ بُلْغَاءِ الْعَرَبِ عِنْدَ مُحَاطَبَةِ الْعُظَمَاءِ أَنْ يَفْتَتِحُوا خِطَابَهُمْ إِيَّاهُمْ وَطَلَبَتَهُمْ بِالثَّنَاءِ وَالذِّكْرِ الْجَمِيلِ

Maksudnya: “Allah SWT meletakkan lafaz *alhamdu* pada permulaan surah itu agar orang-orang yang bermunajat menjadikannya juga demikian dalam munajat mereka, hal ini kerana mengikuti adat kebiasaan para sasterawan Arab ketika berhadapan dengan pembesar-pembesar, iaitu mereka memulai ucapan dan permintaan mereka dengan pujian dan sebutan yang indah.”

Kemudian, beliau telah menyimpulkan bahawa pembukaan bagi perbincangan itu dengan *tahmid* itu merupakan metodologi Al-Quran, kerana perbincangan yang tidak dimulai dengan *hamdalah* itu adalah terpotong (keberkatannya), lalu mendatangkan hadis Nabi Muhammad SAW iaitu:

حَدِيثُ أَبِي هُرَيْرَةَ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ «كُلُّ أَمْرٍ ذِي بَالٍ لَا يُبْدَأُ فِيهِ بِالْحَمْدِ لِلَّهِ أَوْ بِالْحَمْدِ فَهُوَ أَقْطَعُ.

Maksudnya: “Hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah daripada Nabi Muhammad SAW ‘Setiap perkara yang penting, apabila tidak dimulai dengan *الحمد لله* atau dengan pujian (kepada Allah), maka ia adalah terputus (tidak sempurna dan tidak diberkati)’”.

Berdasarkan kenyataan beliau yang telah disebutkan di atas, dapat dianalisa beberapa kenyataan beliau seperti berikut:

1. Dari sudut ilmu balaghah (retorik), beliau telah menyamakan kedudukan Surah al-Fatihah dengan *ibājah* (pembukaan) dalam khutbah atau kitab, kerana ia merupakan pengenalan utama bagi mengumpulkan asas-asas al-Quran. Istilah *Bara'ah Istihlal* merupakan gambaran dalam pengenalan surah untuk menggambarkan isi kandungan surah tersebut.
2. Dari sudut tema pula, tema surah ini membawa kepada beberapa tema yang penting iaitu tauhid, ibadah, permohonan hidayah dari Allah SWT dan pembahagian golongan manusia kepada tiga golongan. Tema yang ditekankan oleh beliau pada lafaz *hamdalah* tema keabdian kepada Allah. Arafan bin Tantawi (2020) berpendapat bahawa surah ini juga dinamakan dengan surah *al-Hamd*, dimulakan juga dengan *hamdalah*, kerana lafaz tersebut menunjukkan kepada tauhid. Ia merupakan satu daripada lapan nama lain bagi surah al-Fatihah. Namanya yang lain adalah al-Fātiḥah Umm al-Kitāb, al-Sab‘ al-Mathānī, al-Shāfiyah, al-Wāfiyah, al-Kāfiyah, al-Asās dan al-Ḥamd (Al-Ṣābūnī, 1997).
3. Hal ini bermaksud beliau cenderung mengatakan bahawa pujian *al-Hamd* ialah pujian yang berbentuk pilihan dan bukan sesuatu yang berbentuk keterpaksaan, berbeza dengan *hamd* dan *syukr*.
4. Hikmah dari perletakan lafaz *hamdalah* pada awal surah al-Fatihah yang merupakan awal surah mengikut susunan al-Quran adalah supaya manusia sentiasa bermunajat kepada Allah SWT dengan memulakannya dengan puji-pujian kepada-Nya.
5. Beliau telah menguatkan hujah beliau dengan hadis nabi yang menyatakan bahawa setiap perkara penting yang tidak dimulai dengan *hamdalah* maka terputus dari sudut keberkatannya.

Kesimpulannya, beliau telah membahaskan *hamdalah* dalam surah al-Fatihah ini dengan panjang dengan mencakupi pelbagai aspek, bahkan antara perbahasan yang terpanjang dalam *hamdalah* dalam *fawatih al-suwar* adalah perbahasan dalam surah ini, sehingga kebanyakan tafsiran beliau pada lafaz tersebut akan diisyaratkan kepada tafsir surah ini.

Surah *Al-An'am*

Surah *al-An'am* merupakan surah kedua yang dimulai dengan *hamdalah* dalam Al-Quran. Menurut Imam Ibn Asyur pada permulaan sebelum mentafsirkan surah ini telah menyatakan tema surah ini seperti berikut:

إِبْتَدَأْتُ بِإِشْعَارِ النَّاسِ بِأَنَّ حَقَّ الْحَمْدِ لَيْسَ إِلَّا لِلَّهِ لِأَنَّهُ مُبْدِعُ الْعَوَالِمِ جَوَاهِرَ وَأَعْرَاضًا فَعَلِمَ أَنَّهُ الْمُتَفَرِّدُ بِالِإِلَهِيَّةِ

Maksudnya: “Surah ini telah dimulai dengan memberi isyarat kepada manusia bahawasanya tiada hak pujian kecuali kepada Allah SWT, kerana Dialah yang menciptakan alam-alam yang berupa Jauhar (zat) dan ‘Aradh (sifat), maka diketahui bahawa hanya Dialah sahaja yang Esa dari segi ketuhanan.”

Secara umumnya, beliau menyatakan bahawa Allah SWT ingin menggambarkan dalam ayat tersebut berkenaan dengan tiada pujian yang layak diberikan kecuali kepada Allah. Namun, persoalan akan timbul sekiranya diteliti bahawa terdapat 4 jenis pembahagian puji. Dari sudut teologi, perkataan ‘الحمد’ boleh dibahagikan kepada 4 bahagian iaitu: puji *Qadim* (sedia ada) kepada *Qadim* iaitu puji Allah ke atas Zat-Nya pada azali, puji *Qadim* kepada *Hadith* (baharu) seperti puji Allah kepada sebahagian hamba-Nya, pujian *Hadith* kepada *Qadim* iaitu pujian hamba-hamba-Nya kepada penciptanya dengan perkataan terbit dari lisan atau *nafsānī* (perkataan dalam hati) seperti tasbih dari *jamatat* (pekara pejal) dan pujian *Hadith* kepada *Hadith* iaitu puji sebahagian hamba-Nya kepada hamba yang lain dengan perkataan lisan atau *nafsānī*. Dan dua jenis pujian (terakhir) ini adalah perkara baharu (Obaid, H., & Shareef, R., 2023). Maka, timbul persoalan adakah layak pujian itu diberikan kepada selain Allah SWT?

Maka, untuk jawapan persoalan tersebut telah dijelaskan secara tuntas oleh beliau. Ibn Asyur (1984) telah menjawab dengan jawapan tersebut:

فَالْمَعْنَى هُنَا أَنَّ الْحَمْدَ كُلَّهُ لَا يَسْتَحِقُّهُ إِلَّا اللَّهُ، وَهَذَا قَصْرٌ إِضَافِيٌّ لِلرَّدِّ عَلَى الْمُشْرِكِينَ الَّذِينَ حَمَدُوا الْأَصْنَامَ عَلَى مَا تَخَيَّلُوهُ مِنْ إِسْدَائِهَا إِلَيْهِمْ نِعْمًا وَنَصْرًا وَتَفْرِيجَ كُرْبَاتٍ،... وَيَجُوزُ أَنْ يَكُونَ قَصْرًا حَقِيقِيًّا عَلَى مَعْنَى الْكَمَالِ وَأَنَّ حَمْدَ غَيْرِهِ تَعَالَى مِنَ الْمُنْعِمِينَ تَسَامُحٌ لِأَنَّهُ فِي الْحَقِيقَةِ وَسِطَةٌ صُورِيَّةٌ لِحَرَيَانِ نِعْمَةِ اللَّهِ عَلَى يَدَيْهِ، وَالْمَقْصُودُ هُوَ هُوَ، وَهُوَ الرَّدُّ عَلَى الْمُشْرِكِينَ، لِأَنَّ الْأَصْنَامَ لَا تَسْتَحِقُّ الْحَمْدَ الصُّورِيَّ بَلْهُ الْحَقِيقِيَّ .

Maksudnya: “Maka maknanya di sini ialah bahawa segala pujian itu tidak berhak diberikan kecuali hanya kepada Allah. Ini merupakan *qasr idāfi* (pembatasan bersifat nisbi/relatif) sebagai bantahan terhadap kaum musyrikin yang memuji berhala-berhala mereka dengan anggapan bahawa berhala itu telah mengurniakan limpahan nikmat kepada mereka, menolong mereka, dan melepaskan kesusahan.

Dan boleh juga difahami sebagai *qasr haqīqī* (pembatasan yang sebenar) dengan makna kesempurnaan, iaitu bahawa pujian terhadap selain Allah daripada pemberi-pemberi nikmat hanyalah secara *majazi* (pinjaman), kerana hakikatnya mereka hanyalah perantara yang bersifat lahiriah bagi mengalirnya nikmat Allah melalui tangan mereka; sedangkan yang dimaksud (secara hakikat) tetaplah Dia (Allah). Inilah juga sebagai bantahan terhadap kaum musyrikin, kerana berhala-berhala itu tidak berhak mendapat pujian secara *majazi* apatah lagi secara hakiki.”

Dalam surah ini, pembukaan surah ini dimulakan dengan *hamdalah* dan disertakan hanya dengan empat makhluk yang disebutkan secara khusus, dan tidak menyebutkan makhluk dan ciptaan-Nya yang lain. Pujian yang tersebut dalam surah ini seolah-olah satu bahagian daripada bahagian-bahagian yang terdapat dalam pujian dalam surah al-Fatihah, dan ia merupakan perincian ayat yang terdapat dalam surah al-Fatihah (Al-Razi, 1420H). Namun, persoalannya mengapakah ia dalam surah ini disebutkan secara khusus penciptaan 4 makhluk tersebut?

Sebahagian dari ahli tafsir tidak menyatakan secara khusus berkenaan dengan tujuan 4 makhluk ini disebut seraca khusus. Ibn Juzayy (1416H), dilihat hanya memasukkan perbincangan mengenai kritikan terhadap golongan Majusi dengan penyebutan cahaya dan kegelapan, dan kepada puak musyrikin yang berada di sekitar Nabi. Abu Hayyan al-Andalusī (2000) pula telah menyatakan munasabah surah ini dengan surah sebelumnya iaitu pembatalan kepada kaum yang mensyirikkan Allah SWT dengan dua tuhan lain dan telah disebutkan penciptaan 4 makhluk tersebut secara khusus sesuai ditujukan kepada muslim dan kafir.

Ibn Asyur (1984) pula telah memperincikan hikmah penyebutannya dengan lebih terperinci. Berikut merupakan senarai makhluk yang dinyatakan dalam surah:

1. Tujuh petala langit (السَّمَوَاتِ),
2. Bumi (وَالْأَرْضِ),
3. Kegelapan (الظُّلُمَاتِ),
4. Cahaya (وَالنُّورِ).

Secara ringkasnya, hujah Ibn Asyur (1984) sebab Allah hanya menyebutkan empat makhluk tersebut adalah sindiran yang mengandungi pembatalan terhadap akidah orang-orang kafir Arab yang menetapkan tuhan selain Allah seperti berikut:

1. Kaum musyrikin menetapkan tuhan-tuhan dari bumi,
2. Puak Sābi'ah menetapkan tuhan-tuhan dari bintang-bintang langit,
3. Puak Nasrani menetapkan ketuhanan bagi Nabi Isa, atau Isa dan Maryam (sekaligus), yang keduanya termasuk makhluk bumi.
4. Kaum Majusi telah menuhankan cahaya dan kegelapan.

Maka dapat disimpulkan bahawa menurut Ibn Asyur (1984) bahawa setiap makhluk yang disebutkan tadi bertujuan untuk membatalkan akidah seperti berikut:

Jadual 2: Senarai Sebutan Makhluk dan Tujuannya

No.	Makhluk	Tujuan
1	Bumi	Batalkan dakwaan musyrikin dan Nasrani yang mendakwa tuhan-tuhan dari bumi.
2	Langit	Batalkan akidah Puak Sābi'ah yang mendakwa tuhan-tuhan di langit.
3	Cahaya dan Kegelapan	Ia dianggap tuhan oleh Majusi, kemudian Allah SWT disangkal, kerana Dialah yang menciptakannya.

Maka, Allah SWT telah menyebutkan *hamdalah* hanya berhak bagi pada awal surah untuk menolak keyakinan kaum kafir Arab dengan kelompok mereka iaitu musyrikin, Sābi'ah, Nasrani dan Majusi. Hujah Ibn Asyur mengenai hikmah 4 makhluk itu disebutkan adalah lebih terperinci dibandingkan dengan sebahagian tafsir-tafsir lain.

Surah Al-Kahf

Surah al-Kahf merupakan surah ketiga yang dimulai dengan *hamdalah* pada *Fawatih al-Suwar* dalam Al-Quran. Ia merupakan surah yang berada di pertengahan Al-Quran. Ibn Asyur (1984)

pada permulaan sebelum mentafsirkan surah ini telah menyatakan tema surah ini seperti berikut:

افْتُتِحَتْ بِالتَّحْمِيدِ عَلَى أَنْزَالِ الْكِتَابِ لِلتَّنْوِيهِ بِالْقُرْآنِ تَطَاوُلًا مِنَ اللَّهِ تَعَالَى عَلَى الْمُشْرِكِينَ وَمُؤَلِّفِيهِمْ مِنْ أَهْلِ الْكِتَابِ

Maksudnya: “Surah ini dimulai dengan *tahmid* (puji kepada Allah) kerana menurunkan kitab Al-Quran sebagai pengagungan terhadap Al-Quran, dan sebagai bentuk keunggulan (tantangan/kelebihan) dari Allah SWT terhadap kaum musyrikin dan para pendakwah ajaran mereka dari kalangan ahli Kitab.”

Penurunan al-Quran merupakan satu nikmat yang besar dari Allah SWT kerana ia merupakan hidayah kepada sekalian manusia. Ia merupakan satu pemberian nikmat Rasulullah SAW dan kepada manusia sekaliannya (Al-Jawzi, 1422H). Kenikmatan tersebut dapat difahami dengan pemberitahuan berkenaan dengan rahsia-rahsia tauhid, informasi mengenai para malaikat, para nabi, serta hukum syarak yang Allah perintahkan untuk dipatuhi oleh umat Nabi Muhammad SAW (Al-Harari, 2001). Ia juga merupakan sebab keselamatan umatnya dari azab Allah SWT di akhirat dan juga sebab kejayaan di dunia. Ibn Asyur (1984) telah menyatakan ketika mentafsirkan surah Al-Kahf:

وَلَمَّا كَانَ أَنْزَالُ الْقُرْآنِ عَلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ أُجْزِلَ نِعْمَاءُ اللَّهِ تَعَالَى عَلَى عِبَادِهِ الْمُؤْمِنِينَ لِأَنَّهُ سَبَّبَ نَجَاتِهِمْ فِي حَيَاتِهِمْ الْأَبَدِيَّةِ، وَسَبَّبَ فَوْزَهُمْ فِي الْحَيَاةِ الْعَاجِلَةِ بِطَيْبِ الْحَيَاةِ وَاتِّظَامِ الْأَحْوَالِ وَالسِّيَادَةِ عَلَى النَّاسِ، وَنِعْمَةً عَلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ بِأَنْ جَعَلَهُ وَاسِطَةً ذَلِكَ وَمُبَلِّغَهُ وَمُبَيِّنَهُ لِأَجْلِ ذَلِكَ اسْتَحَقَّ اللَّهُ تَعَالَى أَكْمَلَ الْحَمْدِ إِخْبَارًا وَإِنْشَاءً.

Maksudnya: “Dan kerana penurunan Al-Quran kepada Nabi SAW merupakan sebesar-besar nikmat Allah SWT kepada hamba-hamba-Nya yang beriman—kerana ia menjadi sebab keselamatan mereka dalam kehidupan abadi (akhirat), dan sebab kejayaan mereka dalam kehidupan dunia dengan kebaikan hidup, keteraturan keadaan, serta kepemimpinan atas manusia—dan merupakan nikmat bagi Nabi SAW sendiri kerana Allah menjadikan baginda sebagai perantara nikmat tersebut, sebagai penyampai dan penjelasnya; maka kerana itu Allah SWT berhak atas pujian yang paling sempurna, baik berupa pemberitaan (*khbari*) mahupun pujian langsung (*insha’i*)”.

Dalam kenyataan tersebut, Ibn Asyur cenderung juga menyatakan bahawa ia merupakan nikmat kepada Rasulullah SAW kerana menjadi perantara, penjelas dan penyampai mesej-mesej dakwah, yang secara tidak langsung ia merupakan satu bentuk nikmat Allah SWT. Ia merupakan satu kemuliaan kepada baginda kerana terpilih untuk menjalankan dakwah dan menyebarkan kebenaran kepada umatnya.

Al-Zuhayli (1991) menyatakan bahawa ia merupakan satu pembelajaran buat manusia untuk mengajarkan mereka cara memuji Allah SWT dan menyanjung atas nikmat terbesar, iaitu nikmat agama Islam, serta ke atas nikmat penurunan al-Quran kepada Nabi Muhammad SAW yang merupakan sebab kejayaan dan kemenangan manusia. Namun, dilihat kenyataan Ibn Asyur dalam bab ini lebih meluas kerana memasukkan nikmat Nabi Muhammad SAW sebagai perantara dan sebab hidayah.

Al-Zuhayli (1991) juga memasukkan munasabah surah ini dimulakan dengan *tahmid* dengan mengaitkannya dengan 2 sudut iaitu:

- i. Surah al-Isrā' dibuka dengan tasbih, manakala surah ini dibuka dengan *tahmid*. Kedua-duanya sering digandingkan dalam al-Qur'an dan juga dalam penggunaan bahasa secara umum, dengan tasbih mendahului *tahmid*, seperti firman Allah: {فَسَبِّحْ بِحَمْدِ رَبِّكَ} [al-Hijr: 98], dan dalam hadis: '*Subhānallāh wa biḥamdih*'.
- ii. Surah al-Isrā' juga ditutup dengan *tahmid*, maka wujudlah munasabah antara permulaan dan penutup kedua-dua surah tersebut.

Ibn Asyur (1984) turut membahaskan faedah yang menarik hasil dari pemerhatian beliau berkenaan dengan surah yang dimulai dengan *hamdalah* ketika mentafsirkan surah ini. Ibn Asyur (1984) telah berkata:

وَهِيَ مُفْتَتِحَةٌ بِالْحَمْدِ حَتَّى يَكُونَ افْتِتَاحُ النَّصْفِ الثَّانِي مِنَ الْقُرْآنِ بِ الْحَمْدِ لِلَّهِ [الْكَهْف: 1] كَمَا كَانَ افْتِتَاحُ النَّصْفِ الْأَوَّلِ بِ الْحَمْدِ لِلَّهِ [الْفَاتِحَةِ: 2]. وَكَمَا كَانَ أَوَّلُ الرَّبْعِ الرَّابِعِ مِنْهُ تَقْرِيبًا بِ الْحَمْدِ لِلَّهِ فَاطِرِ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ [فَاتِر: 1].

Maksudnya: "Dan surah ini dimulakan dengan lafaz pujian (*hamd*), supaya pembukaan separuh kedua al-Qur'an juga dimulai dengan 'الْحَمْدُ لِلَّهِ' [al-Kahf: 1], sebagaimana pembukaan separuh pertamanya dimulai dengan 'الْحَمْدُ لِلَّهِ' [al-Fāṭihah: 2]. Dan sebagaimana juga permulaan kira-kira suku keempat daripadanya dimulai dengan 'الْحَمْدُ لِلَّهِ فَاطِرِ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ' [Fāṭir: 1].".

Ia merupakan satu pemerhatian beliau yang menarik kerana telah membawa para pembaca tafsir untuk memikirkan hikmah di sebalik *hamdalah* pada *Fawatih al-Suwar* dalam juzuk yang berbeza. Senarai *Fawatih al-Suwar* berdasarkan juzuk seperti berikut:

- i. Surah al-Fatihah: Juzuk 1,
- ii. Surah al-An'am: Juzuk 7,
- iii. Surah al-Kahf: Juzuk 15,
- iv. Surah Saba': Juzuk 22,
- v. Surah Fatir: Juzuk 22.

Namun, tidak dijumpai analisis yang beliau simpulkan daripada pernyataan tersebut. Hasilnya, Ibn Asyur berpendapat bahawa *hamdalah* pada permulaan surah Al-Kahf adalah disebabkan Allah SWT ingin memberikan mesej kepada para pembaca Al-Quran bahawa penurunan Al-Quran kepada Baginda SAW. Beliau cenderung untuk menyatakan bahawa ia merupakan nikmat kepada umat Nabi kerana menjadi sebab kejayaan mereka serta satu kemuliaan kepada Baginda SAW kerana menjadi perantara sebab hidayah tersebut. Maka, pujian yang paling sempurna itu berhak bagi Allah SWT atas kurniaan nikmat tersebut.

Surah Saba'

Surah *Saba'* merupakan surah keempat yang dimulai dengan *hamdalah* pada *Fawatih al-Suwar* dalam Al-Quran. Ibn Asyur (1984) telah mengemukakan *tawjih hamdalah* bagi surah ini seperti berikut:

افْتُحِتِ السُّورَةُ بِ الْحَمْدِ لِلَّهِ لِلتَّنْبِيهِ عَلَى أَنَّ السُّورَةَ تَتَضَمَّنُ مِنْ دَلَائِلِ تَفَرُّدِهِ بِالْإِلَهِيَّةِ وَاتِّصَافِهِ بِصِفَاتِ الْعُظَمَةِ مَا يَفْتَضِي إِثْنَاءَ الْحَمْدِ لَهُ وَالْإِخْبَارَ بِاخْتِصَاصِهِ بِهِ.

Maksudnya: “Surah ini dibuka dengan ungkapan *hamdalah* sebagai peringatan bahawasanya surah tersebut mengandungi dalil-dalil pembuktian tentang keesaan Allah dalam ketuhanan serta memberi penegasan sifat-sifat keagungan-Nya, yang menuntut agar dipanjatkan pujian kepada-Nya (secara langsung) dan diberitakan bahawa pujian itu adalah khusus bagi-Nya semata-mata”.

Ibn Asyur (1984) turut berpendapat di dalam *tahmid* terdapat *Bara'ah Istihlal* yang menunjukkan tujuan surah ini, tujuannya adalah seperti yang telah dinyatakan dalam mukaddimah surah ini seperti berikut:

- i. Membatalkan asas-asas kesyirikan,
- ii. Pengingkaran terhadap kebangkitan semula.

Beliau berpendapat bahawa surah ini dimulakan dengan dalil tentang keesaan-Nya SWT dalam ketuhanan, penafian segala sifat ketuhanan daripada berhala-berhala sembah mereka, dan penafian serta berhala-berhala itu dapat menjadi pemberi syafaat pertolongan kepada penyembahnya.

Al-Zamakhshari (1987) telah berpendapat bahawa segala di langit mahupun di bumi adalah nikmat pemberian Allah SWT, maka Dia berhak dipuji dan disanjung. Al-Zuhayli (1991) pula berpendapat bahawa surah ini dimulakan dengan *hamdalah* dan pujian kepada Allah SWT kerana Dialah pencipta langit dan bumi, dan mengutuskan para malaikat dengan tugas yang pelbagai kepada manusia.

Dalam ayat pertama surah ini terdapat dua perkataan *al-hamd*, iaitu ‘ مَا ‘ اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ الَّذِي لَهُ dan ‘ فِي الْاٰخِرَةِ ‘. Setelah diteliti, terdapat perbezaan pendapat antara para ulama mengenai sebab lafaz diulang sebanyak dua kali dalam ayat tersebut. Menurut al-Razi (1420H) ketika menafsirkan surah Saba', *hamdalah* dalam surah ini adalah isyarat kepada nikmat mengekalkan (makhluk) yang beliau istilahkan dengan *ni'mah al-Ibqa'*. Beliau berpendapat bahawa pengulangan *al-hamd* yang nikmat dunia yang boleh dilihat, maka dikiaskan nikmat akhirat (yang masih belum dapat dilihat) dengan nikmat dunia. Al-Zamakhshari (1987) pula memberi isyarat kepada *al-hamd* yang pertama khusus kepada dunia manakala *al-hamd* yang kedua merujuk kepada akhirat secara khusus. Ibn Juzayy (1416H) pula berpendapat bahawa *al-hamd* yang pertama juga merujuk kepada di dunia dan akhirat.

Ibn Asyur (1984) dilihat lebih cenderung kepada pendapat al-Zamakhshari, kerana beliau telah menyatakan pernyataan seperti berikut:

فَمَا فِي السَّمَوَاتِ فَإِنَّ مِنْهُ مَهَابٌ أَنْوَارٌ حَقِيقِيَّةٌ وَمَعْنَوِيَّةٌ، فِيهَا هُدًى حِسِّيٌّ وَنَفْسَانِيٌّ، وَإِلَيْهِ مَعَارِجُ لِلنُّفُوسِ فِي مَرَاتِبِ الْكَمَالَاتِ الَّتِي بِهَا اسْتِقَامَةُ السَّيْرِ، وَإِزَالَةُ الْغَيْرِ، وَنُزُولُ الْغُيُوثِ بِالْمَطَرِ. وَمَا فِي الْأَرْضِ مِنْهُ مَسَارِحُ أَنْظَارِ الْمُتَفَكِّرِينَ، وَمَنَابِتُ أَرْزَاقِ الْمُتَرَقِّقِينَ، وَمَيَادِينُ نَفُوسِ السَّائِرِينَ.

Maksudnya: “Adapun apa yang ada di langit, maka daripadanya turun tempat-tempat turunnya pelbagai jenis cahaya yang bersifat hakiki dan maknawi, di dalamnya terdapat petunjuk yang bersifat inderawi dan kejiwaan. Dan kepadanya terdapat tempat-tempat naiknya jiwa-jiwa menuju martabat-martabat kesempurnaan, yang dengannya tertegak kelurusan perjalanan hidup, terhapus segala kekotoran, serta turunnya hujan yang membawa rahmat. Dan apa yang ada di bumi pula, daripadanya terdapat tempat pandangan bagi orang-orang yang berfikir, tempat tumbuhnya rezeki bagi mereka yang mencari rezeki, dan lapangan jiwa bagi para hamba (yang menjalani jalan kerohanian)”.

Manakala, untuk lafaz kedua bagi *hamdalah* iaitu *وَلَهُ الْحَمْدُ فِي الْآخِرَةِ*, beliau telah khususkannya kepada perbahasan akhirat. Ibn Asyur (1984) berpendapat bahawa ia merupakan satu perkhabaran mengenai Allah SWT yang merupakan pemilik segala urusan di hari akhirat.

Analisis yang dapat dibuat berdasarkan kenyataan tafsiran beliau adalah terdapat dua lafaz *al-hamd*, lafaz pertama lebih merujuk kepada nikmat di atas dunia, manakala lafaz kedua lebih merujuk kepada pujian yang berbentuk ukhrawi. Beliau turut berpendapat bahawa surah ini ingin memberikan penegasan terhadap dalil-dalil keesaan Allah serta keagungan-Nya. Ia memberikan satu orientasi spiritual kepada para pembaca sebelum membaca surah tersebut.

Surah Fatir

Surah *Fatir* merupakan surah kelima yang dimulai dengan *hamdalah* pada *Fawatih al-Suwar* dalam Al-Quran. Ibn Asyur (1984) dalam mentasirkan ayat ini telah mengemukakan *tawjih* bagi *hamdalah* pada permulaan surah ini seperti berikut:

اِفْتَتَاحُهَا بِ الْحَمْدُ لِلَّهِ مُؤَذِّنٌ بِأَنَّ صِفَاتٍ مِنْ عَظَمَةِ اللَّهِ سَتُذَكَّرُ فِيهَا، وَإِجْرَاءُ صِفَاتِ الْأَفْعَالِ عَلَى اسْمِ الْجَلَالَةِ مِنْ خَلْقِهِ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَأَفْضَلَ مَا فِيهَا مِنَ الْمَلَائِكَةِ وَالْمُرْسَلِينَ مُؤَذِّنٌ بِأَنَّ السُّورَةَ جَاءَتْ لِإِثْبَاتِ التَّوْحِيدِ وَتَصْدِيقِ الرَّسُولِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ.

Maksudnya: “Pembukaan surah ini dengan *hamdalah* adalah sebagai isyarat kepada sifat-sifat keagungan Allah SWT akan disebut dalam surah ini, begitu juga dengan penyandaran sifat *af’al* Allah kepada lafaz *al-jalalah* iaitu perbuatannya mencipta langit dan bumi dan sebaik-baik makhluk yang ada padanya seperti malaikat dan para rasul, sebagai isyarat bahawa surah ini diturunkan untuk menyabitkan keesaan (kepada Allah SWT) serta membenarkan Nabi Muhammad SWT.”

Berdasarkan kenyataan Ibn Asyur di atas, terdapat beberapa analisis yang dapat disimpulkan iaitu:

- i. Fungsi *hamdalah* dalam surah ini adalah untuk menggambarkan keesaan Allah SWT,
- ii. Penyandaran *ṣifāt al-af’āl* seperti penciptaan langit dan bumi kepada nama Allah menunjukkan kekuasaan mutlak Allah SWT dan kehendak Ilahi,
- iii. Penyebutan makhluk Allah SWT seperti langit dan bumi serta para malaikat dan rasul yang merupakan sesuatu yang terletak di bawah kekuasaan Allah SWT.
- iv. Tema surah ini adalah untuk menyabitkan tauhid kepada Allah SWT, dan membenarkan dakwaan Rasulullah SAW.

- v. Daripada kenyataan di atas juga, Ibn Asyur dilihat mengaitkan lafaz *hamdalah* ini dengan kandungan ayat pertama secara keseluruhan dalam surah Fatir yang menyebutkan ciptaan Allah SWT.

Abu Hayyan (2000), Al-Alusi (1994) dan Al-Zuhayli (1991) membahaskan munasabah pembukaan surah ini dengan ayat-ayat dalam surah sebelumnya. Pada penutup surah Saba', terdapat pernyataan mengenai kehancuran bagi orang kafir dan Azab Allah SWT kepada mereka dengan azab yang besar. Maka, hal tersebut menuntut agar disebutkan apa yang wajib ke atas orang-orang beriman berupa pujian dan kesyukuran kepada Allah SWT atas nikmat-nikmat yang diberikan seperti yang telah dinyatakan dalam ayat tersebut. Manakala untuk Ibn Asyur pengkaji tidak menjumpai secara khusus perbahasan munasabah tersebut, namun beliau tetap membahaskan kaitan *hamdalah* pada permulaan surah ini dengan isi kandungan surah ini.

Kesimpulan

Kesimpulannya, Imam Ibn Asyur merupakan seorang tokoh ulama yang pakar dalam ilmu tafsir dan pelbagai cabang ilmu yang lain. Hal ini dapat ditelusuri dengan melihat kepada karangannya yang mencakupi segenap bidang ilmu. Sekiranya diperhatikan dan dihayati latar belakang pendidikan beliau yang menuntut ilmu dari usia, maka tidak hairanlah beliau dapat menguasai ilmu yang pelbagai. Kitab *al-Tahrīr wa-al-Tanwīr* merupakan satu karangan beliau yang membuktikan kepakaran dan kecermatan ilmu beliau, serta membawa nafas pembaharuan dalam tradisi ilmu kerana beliau tidak hanya berpada dengan bertaqlid kepada tokoh-tokoh tertentu, tetapi beliau akan memilih pandangan yang paling tepat berdasarkan dalil yang kuat dalam kaca mata penilaian beliau. Imam Ibn Asyur telah membahaskan kesemua *tawjih* repetisi lafaz *hamdalah* pada *Fawatih al-Suwar* (iaitu pembukaan surah) dalam 5 surah iaitu Al-Fatihah, Al-An'am, Al-Kahf, Saba' dan Fatir, kesemua surah ini dikategorikan surah *Makkiyyah* seperti kenyataan beliau walaupun terdapat juga perbezaan pendapat dalam pengkategorian tersebut. Ibn Asyur memperincikan penafsiran ketika membahaskan tafsir surah al-Fatihah berkenaan dengan pelbagai sudut yang berkaitan dengan *hamdalah*. Ibn Asyur juga memanjangkan perbahasan tafsir dalam surah al-Fatihah dan ketika mentafsirkan ayat-ayat *hamdalah* yang pada *Fawatih al-Suwar* lain, beliau akan merujuk kepada tafsir surah al-Fatihah. *Tawjih* repetisi lafaz yang diberikan oleh Ibn Asyur pula dilihat memberikan gambaran jelas berkenaan tujuan sesuatu surah yang menggambarkan kaedah *Bara'ah Istihlal*. Dari segi tafsiran pula, beliau membahaskan dengan lebih terperinci berbanding sebahagian daripada kitab tafsir kontemporari dan klasik, namun sebahagiannya perincian tidak dijumpai kecuali dalam kitab yang lain. Munasabah antara pembukaan surah dan penutup surah sebelumnya tidak dapat dijumpai dengan jelas, seperti para ahli tafsir yang lain, namun ia tidak mengurangkan kredibiliti beliau sebagai ahli tafsir kontemporari yang unggul.

Rujukan

- Abd al-Bāqī, al-Bashīr Muḥammad Sulaymān. (2017). *Manhaj al-Imām Ibn ‘Ashūr fī al-Tafsīr min Khilāl Kitābihi “al-Taḥrīr wa-al-Tanwīr”*: Dirāsah Tahlīliyyah (Tesis sarjana, Jāmi‘at al-Sūdān li-al-‘Ulūm wa-al-Tiknūlūjiyā, Ma‘had al-‘Ulūm wa-al-Buḥūth al-Islāmiyyah, Kulīyyat al-Dirāsāt al-‘Ulyā).
- Abū Ḥayyān al-Andalusī, M. b. Y. (2000 / 1420 H). *Al-Baḥr al-muḥīṭ fī al-tafsīr* (Ṣ. M. J. al-‘Aṭṭār, Eds., Vols. 1 & 10; Z. Ju‘ayd, Eds., Vols. 2–7; ‘I. al-‘Ashā Ḥassūnah, Eds., Vols. 8–10). Beirut: Dār al-Fikr.
- Ahmad Bashir Saif, D. (2023). Dirasah Tahliliyyah li-Qawlihi Ta‘ālā: {Al-Ḥamdu Lillāhi Rabbil-‘Ālamīn} min Tafsīr Rūḥ al-Ma‘ānī lil-Imām al-Ālūsī. *Rihan Journal for Science Publishing*, 35, 111–131.
- Arafah bin Tantawi, A. A. R. (2020). *Ma‘ālim al-Tawḥīd fī Fātiḥat al-Kitāb* (Cet. 2). Dār al-Ma‘thūr & Dār al-Amal
- Ardi, A., Mutaal, M. I. A., & Septiana, E. (2020). *Alhamdulillah dalam al-Qur’an: Kajian terhadap lafadz al-hamdulillah dalam fawatih dan khawatim as-suwar*. *Almisykah: Jurnal Kajian Al-Qur’an dan Tafsir*, 1(2), 125–135. <https://doi.org/10.19109/almisykah.v1i2.9033>
- Asfar, K. . (2022). Metodologi Tafsir Al-Tahrir Wa Al-Tanwir Karya Muhammad Tahir Ibnu ‘Asyur. *Al-Aqwam: Jurnal Studi Al-Quran Dan Tafsir*, 1(1), 55–67. <https://doi.org/10.58194/alaqwam.v1i1.270>
- Al-‘Ālūsī, A. F. Sh. D. S. M. (1994 / 1415 H). *Rūḥ al-ma‘ānī fī tafsīr al-Qur’ān al-‘Aẓīm wa al-sab‘ al-mathānī* (‘A. ‘Abd al-Bārī ‘Aṭīyyah, Ed.). Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Barakah, M. b. R. (2016). *Al-Mutashābih al-lafẓī fī al-Qur’ān al-karīm wa-tawjīhuḥu: Dirāsah mawḍū‘iyyah* (Tesis sarjana, Universiti al-Imām Muḥammad ibn Sa‘ūd al-Islāmiyyah, Riyadh, Arab Saudi).
- Al-Firūzābādī, M. b. Y., Abū Ṭ. M. al-D. al-Shīrāzī. (2005/1426H). *Al-Qāmūs al-muḥīṭ* (Muḥammad Na‘īm al-Qarsūsī, Tahqīq). Beirut, Lubnān: Mu‘assasah al-Risālah li-al-Ṭibā‘ah wa-al-Nashr wa-al-Tawzī‘.
- Al-Harārī, Muḥammad al-Amīn ibn ‘Abd Allāh. (2001 / 1421 H). *Tafsīr Ḥadā‘iq al-Rūḥ wa al-Rayḥān fī Rawābī ‘Ulūm al-Qur’ān* (Dr. Hāshim Muḥammad ‘Alī ibn Ḥusayn Mahdī, Supervisi & Semakan). Dār Ṭawq al-Najāh, Beirut, Lubnān.
- Al-Jabālī, M. R. A. (2012). *Tawjīh al-mutashābih al-lafẓī fī al-Qur’ān al-karīm bayna al-qudamā’ wa-al-muḥdathīn Aḥmad al-Gharnāṭī wa-Fāḍil al-Samarā‘ī: Dirāsah muqāranah* (Tesis doktor falsafah, Universiti Malaya, Akademi Pengajian Islam, Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Kuala Lumpur).
- Al-Jawzī, Jamāl al-Dīn Abū al-Faraj ‘Abd al-Raḥmān ibn ‘Alī ibn Muḥammad. (1422 H). *Zād al-Masīr fī ‘Ilm al-Tafsīr* (Tahqīq: ‘Abd al-Razzāq al-Mahdī; Cet. 1). Dār al-Kitāb al-‘Arabī, Beirut.
- Al-Jurjānī, ‘A. ibn M. ibn ‘A. al-Z. al-Sharīf. (1983/1403H). *Kitāb al-ta’rīfāt* (Cet. 1). Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Rāghib al-Asbahānī, A. al-Q. H. b. M. (1412 H). *Al-Mufradāt fī gharīb al-Qur’ān* (Ṣ. ‘Adnān al-Dāwūdī, Ed.). Damascus & Beirut: Dār al-Qalam.
- Al-Rāzī, Fakhr al-Dīn. (1420 H). *Mafātīḥ al-Ghayb (al-Tafsīr al-Kabīr)* (Cet. 3). Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī, Beirut.
- Al-Rifā‘ī, Ṭ. ‘U. (2020, July). Ittijāhāt al-taṣnīf fī tawjīh al-mutashābih al-lafẓī fī al-Qur’ān al-karīm qadīman wa ḥadīthan. *Majallat al-Dirāsāt al-‘Arabiyyah*, 42(2), 847–876. DOI: 10.21608/dram.2020.161452
- Al-Ṣābūnī, M. ‘A. (1997). *Ṣafwat al-Tafāsīr* (Cet. 1). Dār al-Ṣābūnī li al-Ṭibā‘ah wa al-Nashr wa al-Tawzī‘, Cairo.

- Al-Şāmil, M. b. 'A. b. M. (2001/1422 H). *Min balāghat al-mutashābih al-lafẓī fī al-Qur'ān al-karīm*. Riyadh: Dār Işbīliyyā li-al-Nashr wa-al-Tawzī'.
- Al-Suyūfī, J. al-D. (1974/1394H). *Al-Itqān fī 'ulūm al-Qur'ān* (Muḥammad Abū al-Faḍl Ibrāhīm, Ed.). Kaherah: al-Hay'ah al-Miṣriyyah al-'Āmmah li al-Kitāb.
- Al-Zabīdī, M. M. al-H. (1965–2001). *Tāj al-'arūs min jawāhir al-qāmūs*. Kaherah: Dār al-Hidāyah; Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī.
- Al-Zamakhsharī, M. b. 'U. b. A. (1407 H / 1987). *Al-Kashshāf 'an ḥaqā'iq ḡhawāmiḍ al-tanzīl wa 'uyūn al-aqāwīl fī wujūh al-ta'wīl* (3rd ed., Vols. 1–4). Cairo: Dār al-Rayyān li al-Turāth; Beirut: Dār al-Kitāb al-'Arabī.
- Al-Zarkashī, A. 'A. A. (1957/1376H). *Al-burhān fī 'ulūm al-Qur'ān* (Muḥammad Abū al-Faḍl Ibrāhīm, Ed.). Kaherah: Dār Iḥyā' al-Kutub al-'Arabiyyah.
- Al-Ziriklī, K. al-D. b. M., al-Dimashqī. (2002/1396H). *Al-a'lām* (Cet. 15). Bayrūt: Dār al-'Ilm li-al-Malāyīn.
- Al-Zuḥaylī, W. (1411 H / 1991). *Al-tafsīr al-munīr fī al-'aqīdah wa al-sharī'ah wa al-manhaj*. Damascus, Syria: Dār al-Fikr; Beirut, Lebanon: Dār al-Fikr al-Mu'āṣir, Jil 22.
- Elnemr, M. I. R. (2020). The ideology and translations of the Qur'an by the Orientalists: A comparative study of Richard Bell's translation. *Global Journal of Human-Social Science*, 20(20), 1–15. <https://doi.org/10.34257/gjhssavol20is20pg1>
- Anshori, M. L. (2017). *Uslūb al-takrār fī al-Qur'ān al-Karīm* [Repetition style in the Holy Qur'an]. *LISANIA: Journal of Arabic Education and Literature*, 1(1), 56–73. <https://doi.org/10.18326/lisania.v1i1.56-73>
- Ḥaydar, H. S. (1999/1420 H). *'Ulūm al-Qur'ān bayna al-Burhān wa-al-Itqān: Dirāsah muqāranah*. Madinah: Maktabat Dār al-Zamān li-al-Nashr wa-al-Tawzī'.
- Hidayat, R., & Fauziyah, Y. (2022). The urgency of understanding the verses of *mutasyabihat lafẓiyyah* for learning *tahfidz Al-Qur'an*. In *ICIGR Conference Proceedings. KnE Social Sciences*, 578–585. <https://doi.org/10.18502/kss.v7i10.11260>
- Ibn Juzayy, Abū al-Qāsim Muḥammad ibn Aḥmad. (1416 H). *Al-Tashīl li-'Ulūm al-Tanzīl* (Dr. 'Abd Allāh al-Khālīdī, Tahqīq; Cet. 1). Sharikat Dār al-Arqam ibn Abī al-Arqam, Beirut.
- Ibn al-Nadīm. (1997/1417 H). *Al-Fihrist* (ta'līq Ibrāhīm Ramaḍān). Bayrūt: Dār al-Ma'rifah.
- Ibn al-Zubayr al-Gharnāṭī, Aḥmad ibn Ibrāhīm al-Thaqafī Abū Ja'far (w. 708 H), *Milāk al-Ta'wīl al-Qāṭi' bi-Dhawī al-Ilḥād wa-al-Ta'ṭīl fī Tawjīh al-Mutashābih al-Lafẓ min Āy al-Tanzīl*, taḥqīq: 'Abd al-Ghanī Muḥammad 'Alī al-Fāsī, Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, Bayrūt – Lubnān.
- Ibn 'Ashūr, M. al-Ṭ. [w. 1393 H]. (1984 M / 1404 H). *Al-tahrīr wa-al-tanwīr*. Tunis: al-Dār al-Tūnisiyyah li-al-Nashr.
- Irdan, A., Sohrah, S., & Miswar, A. . (2025). Fawatih As-Suwar : Pembuka Komunikasi dalam Al-Qur'an. *Hamalatul Qur'an : Jurnal Ilmu Ilmu Alqur'an*, 6(1), 37-43. <https://doi.org/10.37985/hq.v6i1.385>
- Junaidi Lubis. (2024), Kemukjizatan Berita Al-Quran Menurut Ibn Asyur Analisis Terhadap Penafsiran Surat Al-Fushilat AyaT 53. *Petra Journal of Islamic Studies and Social*, 2(1), 1-9. <https://myjournalshome.storma-indonesia.com/index.php/pjisso/article/view/11>
- Labib, H. A. (2023). Kajian ayat fawatih al-suwar dalam al-Quran. *An-Nuur*, 11(2). <https://ejournal.iaiamc.ac.id/index.php/annuur/article/view/54>
- Muḥammad, Kh. A. (2019). Balāghat al-mutashābih al-lafẓī 'inda al-Ṭāhir ibn 'Ashūr fī tafsīrihi *al-Tahrīr wa-al-Tanwīr*. *Majallat Kulliyyat al-Banāt al-Islāmiyyah bi-Asyūf*, 16(2), 1578–1672.
- Mustakim, M., Achmad Abubakar, & Hamka Ilyas. (2025). Peran Fawatih al-Suwar dalam Pembukaan Ayat-ayat Al-Qur'an. *PESHUM : Jurnal Pendidikan, Sosial Dan Humaniora*, 4(2), 2436–2440. <https://doi.org/10.56799/peshum.v4i2.7790>

- Mohamad Rafi. (2025). *Mengungkap makna fawātih as-suwar dalam al-Qur'ān (Studi analisis penafsiran Buya Hamka dalam Tafsīr al-Azhar)*. Skripsi, Program Studi Ilmu al-Qur'ān dan Tafsīr, Universitas Islam Negeri Datokarama Palu.
- Nur Fajriyatush Shobahah, Hakmi Hidayat, & Choirina Khilmy Maulidia. (2024). Al-Muhkamāt wa al-Mutasyabihāt serta Fawātih al-Suwar. *Jurnal Kajian Islam Dan Sosial Keagamaan*, 1(4), 297–304. Retrieved from <https://jurnal.ittc.web.id/index.php/jkis/article/view/1071>
- Maskhuroh, L. (2016). TAFSIR HAMDALAH. *Dar El-Ilmi : Jurnal Studi Keagamaan, Pendidikan Dan Humaniora*, 3(2), 79-99. Retrieved from <https://e-jurnal.unisda.ac.id/index.php/dar/article/view/1195>
- Muḥammad Maḥfūz. (1994 M/1414 H). *Tarājim al-mu'allifin al-tūnisiyyīn* (al-Ṭab'ah al-thānīyah). Bayrūt – Lubnān: Dār al-Gharb al-Islāmī.
- Murni, D., Mahfudz, A., & Zakiyah. (2025). Method of analysis of *mutasyabih lafẓī* in the Qur'an: A study of *Tafsir As-Sha'rawi*. *AL QUDS: Jurnal Studi Alquran dan Hadis*, 9(1), 27–37. <https://doi.org/10.29240/alquds.v9i1.11683>
- Musallai Pour Yazdi, A. and Shaye, M. (2023). The Role of Epistemic Assumptions in the Interpretation of al-Tahrir and al-Tanwir by Muhammad Tahir b. Ashur. (e184737). *Motaleat-e-Taghribi Mazaheb-e-Eslami (Proximity Studies of Islamic Denominations) (Forouge Vahdat)*, (), e184737
- Mustakim, M., Achmad Abubakar, & Hamka Ilyas. (2025). Peran Fawātih al-Suwar dalam Pembukaan Ayat-ayat Al-Qur'an. *PESHUM : Jurnal Pendidikan, Sosial Dan Humaniora*, 4(2), 2436–2440. <https://doi.org/10.56799/peshum.v4i2.7790>
- Obaid, H., & Shareef, R. (2023). The Theological Meaning of Al-Hamdalah. *Jordan Journal of Islamic Studies*, 18(3), 541–552. Retrieved from <https://jjis.aabu.edu.jo/index.php/jjis/article/view/66>
- Rahman, H. ., Rusydi, R., & Hadi, S. (2024). Munasabah Fawātih Al-Suwar dengan Khawātin Al-Suwar Pada Al-Sab'u Al-Thiwal dalam Al-Qur'an (Studi Komparatif antara Tafsir al-Bahru al-Muḥith Fi al-Tafsir dengan Tafsir Nazmu ad-Durar Fi Tanasubi al-Ayati Wa al-Suwar). *UNES Law Review*, 6(2), 7021–7035. <https://doi.org/10.31933/unesrev.v6i2.1593>
- Shahin, A. A. (2022). *The stylistic analysis of repetition in the Holy Qur'an: Linguistic and rhetorical perspectives*. *Southeast Journal of Arabic and Islamic Studies*, 8(2), 45–62. https://sjam.journals.ekb.eg/article_136253_126c04083d73a55f7edf125253b0b039.pdf
- Umar, A. M. 'A. (2008). *Mu'jam al-Lughah al-'Arabiyyah al-Mu'āṣirah* (Cet. 1). Kaherah: 'Ālam al-Kutub.